

bah

UMNO - Pencalonan (rangkuman)

PEMILIHAN BAHAGIAN-BAHAGIAN UMNO SELESAI

I

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Pemilihan bahagian-bahagian UMNO selesai hari ini dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak ditandingi bagi jawatan presiden dan Menteri Kewangan Datuk Seri Anwar Ibrahim mendapat dua lagi pencalonan untuk jawatan timbalan presiden, menjadikan jumlah pencalonan yang diterimanya 145.

Batu dan Labuan merupakan bahagian-bahagian yang terakhir daripada 153 bahagian mengadakan persidangan perwakilan. Kedua-dua bahagian itu diarahkan Majlis Tertinggi supaya mengadakan semula persidangan mereka selepas ia mengisytiharkan mesyuarat terdahulu tidak sah.

Kedua-dua bahagian itu akan dibenar menghantar perwakilan mereka ke perhimpunan agung, yang dijadualkan mulai 4 hingga 6 Nov, walaupun tidak menepati tarikh tamat mesyuarat pada 30 Sept.

Pada mesyuarat masing-masing hari ini, Bahagian Batu dan Labuan mencalonkan Dr Mahathir sebagai presiden dan Anwar timbalan presiden.

Mereka juga memilih Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak, Menteri Besar Selangor Tan Sri Muhammad Haji Muhammad dan Menteri Besar Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk naib presiden. Najib mendapat 148 pencalonan, Muhammad (138) dan Muhyiddin (133).

Encik Ghafar Baba, yang telah mengemukakan surat perletakan jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri menerima tujuh pencalonan untuk mempertahankan jawatannya sebagai Timbalan Presiden parti yang disandang sejak 1987. -- Lagi

▼17/10/20-44MST

CNS8161

R PB 17-10 00132 BH448

bah

UMNO - Pencalonan 2 Kuala Lumpur

Menteri Luar, yang juga penyandang jawatan naib presiden, Datuk Abdullah Ahmad Badawi mendapat 16 pencalonan dan Menteri Pertanian Datuk Seri Sanusi Junid (12 pencalonan).

Bahagian Batu menghadapi masalah berikutan Ketua Pergerakan Wanitanya, Dr Noridah Ibrahim dicalonkan oleh 12 cawangan. Ketua bahagian, Datuk Azman Attar mengisytiharkan mesyuarat 12 cawangan itu sebagai tidak sah.

Azman mengekalkan jawatannya hari ini apabila menerima 115 undi berbanding Dr Noridah 98 undi.

Mohamed Yusoff Abdul Hamid dan Haji Ishak Kamaruddin masing-masing dipilih sebagai timbalan dan naib ketua.

Masalah Bahagian Labuan timbul apabila ia mengadakan persidangan perwakilan pada 24 Sept, melanggar arahan Majlis Tertinggi supaya bahagian itu menangguhkan sehingga semua 18 cawangannya yang bermasalah mengadakan semula mesyuarat masing-masing. -- Lagi

▼17/10/20-47MST

CNS8163

R PB 17-10 00078 BH449

bah

UMNO - Pencalonan 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Pada mesyuarat hari ini, Anggota Parlimen Labuan Abdul Mulok Awang Damit menang tanpa bertanding apabila Ketua Bahagian, Senator Isli Haji Siput menarik diri.

Isli juga tidak menghadiri mesyuarat itu. Sebanyak 139 daripada 175 perwakilan yang layak menghadiri persidangan itu.

Iraman Karim mengekalkan jawatan timbalan ketua manakala Ismail Kasah dilantik sebagai naib ketua. -- Bernama

MGM AG AHH ZU RON

▼17/10/21-20MST